

Analysis

[1103/1]
[1103/2]

Bahasa Melayu

ANALISIS SOALAN RUMUSAN SPM 2008 -2012

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012
TAJUK	Faedah-faedah penerokaan angkasa lepas	Tidur dari segi saintifik	Faedah-faedah makan coklat	Kepentingan bahasa kebangsaan	Kepentingan bahasa kebangsaan

ANALISIS SOALAN 2008 -2012

Tahun	Soalan (a)	Soalan (b)
Nov 2008	Dua sebab bahagian permulaan novel menarik minat anda	Bandingkan persamaan dan perbezaan satu latar masyarakat dalam dua buah novel yang dipelajari
Nov 2009	Ketabahan watak utama	Nilai kasih-sayang berdasarkan dua buah novel
Nov 2010	Sebab-sebab novel memberi kesedaran	Nilai keberanian berdasarkan dua buah novel
Nov 2011	Perwatakan watak utama	Persoalan
Nov 2012	Latar masa	Nilai kemanusiaan

SENARAI NOVEL TINGKATAN 4 DAN TINGKATAN 5 MENGIKUT ZON

TINGKATAN 4	TINGKATAN 5	ZON
AZFA HANANI (Halis Azhan Mohd Hanafiah)	KEMBARA AMIRA (Amer Hamzah L. Kadir)	ZON 1: Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak
PAPA...AKHIRNYA KAU TEWAS JUA (Deana Yusof)	KONSERTO TERAKHIR (Abdullah Husain)	ZON 2: Selangor, Wil. Persekutuan Kuala Lumpur, Wil. Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan
RENYAH (Gunawan Mohamad)	SUTERA DALAM LUKISAN (Abd Talib Hassan)	ZON 3: Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan
MELUNAS RINDU (Hartini Hamzah)	KABUS DI PERBUKITAN (Muhamad Kholid Hamzah)	ZON 4 : Johor, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan

Bahasa Melayu

Kertas 1

[1103/1]

Bahagian A

[30 markah]


[Masa dicadangkan 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang tanggungjawab seseorang terhadap komuniti. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

TANGGUNGJAWAB TERHADAP KOMUNITI

Prihatin kepada yang kurang bernasib baik



Membantu golongan yang memerlukan

Bergotong-royong meringankan beban

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih **daripada 350 patah perkataan**.

- Generasi remaja hari ini didapati kurang berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti serta program keagamaan dan kemasyarakatan. Fenomena ini dikaitkan dengan kewujudan teknologi komunikasi. Tuliskan satu rencana yang lengkap bertajuk 'Mendekatkan Remaja dengan Program Keagamaan dan Kemasyarakatan melalui Teknologi Komunikasi'.
- Unit beruniform sekolah anda telah mengadakan aktiviti perkhemahan di Taman Negara Pahang. Selaku setiausaha persatuan, anda diminta menulis laporan berkenaan aktiviti tersebut. Tulis laporan itu selengkapnya.
- Kesesakan lalulintas merupakan satu isu yang sering menghantui penduduk terutama di bandar-bandar besar. Salah satu usaha untuk mengatasinya ialah dengan meningkatkan keupayaan dan kecekapan sistem pengangkutan awam. Bincangkan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk merealisasikan hasrat tersebut.
- Akhir-akhir ini isu kebanjiran buruh asing yang datang bekerja tanpa permit semakin serius dibincangkan kerana telah mengundang banyak masalah terutama yang melibatkan kegiatan jenayah. Pelbagai langkah dilakukan oleh kerajaan untuk menyekat kebanjiran kumpulan ini, namun banyak kekangan yang dihadapi. Huraikan kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut serta langkah-langkah untuk mengatasinya.
- Tulis sebuah cerita berdasarkan nilai murni kejujuran.

Bahasa Melayu

Kertas 2

[1103/2]

Soalan 1 : Rumusan

[30 Markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan berkenaan langkah-langkah untuk memartabatkan bahasa Melayu dan kekangan penggunaannya di Malaysia.

Sejak beberapa dekad yang lalu, Malaysia telah melalui beberapa fasa pembangunan. Bermula daripada Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wawasan Negara, dan mutakhir Model Ekonomi Baru. Namun hakikat yang menyedihkan, perkembangan dan penggunaan bahasa Melayu seolah-olah dipinggirkan daripada pakej pembangunan tersebut. Walaupun pembangunan negara berjaya membawa perubahan dari aspek sosiopolitik, sosioekonomi, dan tuntutan masyarakat, namun bahasa Melayu masih tidak berubah walaupun suatu ketika dahulu pernah menjadi bahasa sarwajagat terhebat di Nusantara.

Tuntutan ekonomi kapitalisme telah menghanyutkan perjuangan nasiolisme sehingga Universiti Kebangsaan Malaysia yang suatu ketika dahulu menjadi pemangkin dalam memartabatkan bahasa Melayu kini sama seperti universiti lain di Malaysia. Era digital dan globalisasi tanpa sempadan menyaksikan bahasa Melayu terpaksa bersaing hebat dengan bahasa lain terutamanya bahasa Inggeris. Aplikasi dan dasar liberalisasi sejak 1980-an melihat penggunaan bahasa Inggeris semakin meluas dan bahasa Melayu pula seolah-olah perlu bersedia untuk diturunkan ke liang lahat.

Melihat kepada senario yang berlaku pada hari ini, usaha bersepadu perlu dilakukan untuk mengembalikan semula semangat nasiolisme dan jati diri negara bangsa. Langkah pertama adalah dengan meletakkan keagungan bahasa dan sastera Melayu pada tempat selayaknya. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang mempunyai kematangan, sumber, kepakaran, dan kemampuan perlu melaksanakan hasrat ini tanpa membataskan sasaran terhadap kepada sekolah kerajaan semata-mata. Sekolah-sekolah persendirian, sekolah Cina dan sekolah Tamil yang mempunyai silibus bahasa kebangsaan yang berbeza dengan sekolah kerajaan sepatutnya diberi perhatian yang lebih dalam memantapkan penggunaan bahasa Melayu.

Dalam usaha negara mencapai status negara maju, adunan bahasa Kebangsaan dan jati diri bangsa perlu diacu serentak memandangkan usaha memartabatkan bahasa Melayu harus melalui satu anjakan paradigma. DBP sebagai badan induk yang bertanggungjawab perlu melipatgandakan promosi di segenap lapisan masyarakat, malah penglibatan semua kaum dalam usaha membudayakan bahasa Melayu perlu giat dijalankan bagi menyemai semangat dan rasa cinta terhadap bahasa Melayu kepada semua kaum.

Penubuhan Bahagian Pengembangan Bahasa Pelbagai Kaum yang dilakukan DBP merupakan satu langkah awal yang sungguh baik kerana usaha mengembangkan bahasa Melayu, khususnya kepada masyarakat bukan Melayu perlu diperhebatkan. Antara isu pertama yang perlu diselesaikan ialah menangani 20% daripada kanak-kanak yang ketinggalan dari segi literasi. Ukuran bagi kejayaan ini dinilai dengan melihat keyakinan ibu bapa sebagai penanda aras untuk menghantar anak-anak ke sekolah kerajaan dan bukan sekolah swasta.

“Satu Bahasa, Satu Malaysia” yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dilihat sebagai satu langkah yang meyakinkan untuk **mengembalikan peranan Asia** sebagai generasi dunia. Jepun sebagai contoh yang paling berjaya membentuk negaranya melalui acuan sendiri melalui budaya dan bahasa. Tidak mustahil Malaysia mampu mengikut langkah Jepun sekiranya rakyat berbilang bangsa di negara ini bersatu untuk memulihara budaya bangsa. Perlu ditegaskan bahawa bahasa Kebangsaan bukan milik mutlak DBP, tetapi milik bersama masyarakat Melayu dan rakyat Malaysia kerana bahasa adalah jiwa bangsa.

(Dipetik daripada “Bahasa Melayu Hak Rakyat Malaysia”
Dewan Masyarakat, September 2010)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- i. Berikan maksud *mengembalikan peranan Asia*.

[2 markah]

- ii. Nyatakan faktor-faktor bahasa Melayu dipinggirkan

[3 markah]

- iii. Cadangkan **dua** langkah untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah.

[4 markah]

Soalan 2 (b) - Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

“Abang tak mahu pergi kebun? Apa kata abang pergi sebelum abang jadi ahli korporat nanti,” rayu Mikraj.

“Tak perlu!” Israk mengayun kata-kata.

“Mengapa? Abang takut nyamuk? Agas? Atau seram dengan nyanyian cengkerik? Mengapa abang terlalu berlagak akhir-akhir ini? Suara Mikraj makin lama makin meninggi.

Israk menarik nafas dalam-dalam, dan berkata, “Mengapa kau terlalu menjaga tepi kain orang?”

Saya kasihan melihat Wah. Abang menghina, mengeji, menyakiti Wah. Paha kanan tercubit paha kiri turut berasa sakit. Abang sedar tak, Wah lebih tua daripada abang!”

“Saya ajak pa dan ma bawa abang balik kampung semata-mata mahu abang mengenali Wah yang membela abang sejak berusia satu hari lagi. Abang tahu, Wah benar-benar terhisir sewaktu atuk ‘Perth’ bawa abang lari. Sejak itu abang langsung tak mengenali Wah. Saya mahu abang belajar erti kepayahan, kekecewaan, dan ketabahan seorang wanita. Wah orangnya...,” butir bicara Mikraj diiringi mutiara mata.

“Sudah hujan,” perli Israk.

“Abang jangan terkejut kalau saya mampu membuatkan abang menangis nanti!”

Israk bersahaja. Dia mencapai gitarnya lalu lagu sumbang itu kembali beralun. Perasaan meluat mula bersarang dalam kalbu Mikraj. Kalau tersilap jolok, pasti terjolok sarang itu. Bahaya.

“Kalau bercakap dengan abang mesti ada kompromi,” katanya, memandang tepat ke wajah Israk. Fikirannya di awang-awangan.

(Dipetik daripada cerpen *Israk* oleh Erda Roslan khairi, dalam *Harga Remaja*, DBP)

i. Apakah reaksi Israk apabila Mikraj mengajaknya ke kebun? [2 markah]

ii. Berikan beberapa cadangan untuk mendekatkan golongan muda agar berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang melibatkan kegiatan kekeluargaan. [3 markah]

iii. Nyatakan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan, dan **satu** pengajaran lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Tuan Puteri Seri Ratna Gemala Nehran pun tersenyum mendengar sembah bidadari itu. Maka ujar, tuan puteri, “Kita telah bermain-main semalam tadi dengan bit-bit itu. Maka kita tidur lalu bermimpi hampir dinihari juga rasanya. Maka datang seekor naga maka dipagutnya pinggangku, tiada lekat pada tubuhku rasanya dan aku lihat rupa naga itu terlalu indah-indah sekali. Seketika kita berselimut bau bunga rasanya, dan bau bunga itu pun datang sekarang kepada hidungnya kita rasanya. Hatta maka naga itu pun melancar ke atas kemuncak mahligai ini. Maka ditelannya gemala yang di atas kemuncak mahligai ini. Sebab itulah mukaku pucat ini.”

Segala bidadari itu pun berdatang sembah seraya tertawa, “Segera rupanya tuan puteri ini akan kahwin dengan paduka kakanda itu Raja Dewa Lela Mengerna itu.”

Tuan puteri pun tersenyum tunduk malu rupanya dan segala bidadari itu pun tertawa seraya ia berpantun demikian bunyinya:

*Burung bayan terbangnya tinggi,
Terbang melayang berpangkat-pangkat;
Jikalau malam termimpi-mimpi,
Jika siang terlihat-lihat.*

Setelah tuan puteri mendengar pantun itu adalah muka tuan puteri itu antara masam dengan tiada berseri. Maka tuan puteri pun berkata kepada inangdanya, “Hai inangda, bilamana kita akan pergi mandi ke Tasik Semendera Jin itu?” Maka sembah inangdanya, “Ya tuanku tuan puteri, esoklah kita akan pergi mandi.”

(Dipetik daripada cerita *Hikayat Indera Nata* dalam *Antologi Harga Remaja* DBP)

i. Mengapakah muka bidadari pucat? [2 markah]

ii. Nyatakan gambaran naga yang terdapat dalam mimpi bidadari seperti yang diceritakan kepada Tuan Puteri Seri Ratna Gemala Nehran? [3 markah]

iii. Pada pendapat anda, apakah bekal yang perlu ada dalam diri seseorang remaja untuk mengelakkan diri daripada diperdaya oleh orang yang tidak bertanggungjawab. [3 markah]

Soalan 2 (d) Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindam 12 Fasal yang Keenam

*Cahari olehmu akan sahabat,
Yang boleh dijadikan ubat.*

*Cahari olehmu akan guru,
Yang boleh tahukan tiap seteru.*

*Cahaya olehmu akan isteri,
Yang boleh menyerahkan diri.*

*Cahari olehmu akan kawan,
Pilih segala orang setiawan.*

(Abu Hassan Sham (Penyelenggara)
Puisi-puisi Raja Ali Haji,
Dalam antologi *Harga Remaja*, 1993 DBP)

- i. Apakah yang dimaksudkan dengan: *Cahari olehmu akan sahabat
Yang boleh dijadikan ubat* [3 markah]
- ii. Sahabat amat penting pada masa susah maupun senang.
Cadangkan ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang sahabat yang setia. [3 markah]
- iii. Nyatakan dua nilai yang terdapat dalam gurindam di atas. [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap kata kerja** di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda **boleh menambahkan imbuhan** tetapi **tidak boleh menggunakan perkata itu sebagai kata nama khas**.

i. tonton	ii. tengok	[6 markah]
iii. keluar	iv. terbit	
v. halus	vi. teliti	
- (b) Baca ayat di bawah dengan teliti, kemudian tentukan **subjek** dan **predikat** dalam ayat tanpa mengubah maksud asal.
 - i. Melukis telah menjadi kegemarannya sejak kecil lagi.
 - ii. Warna oren merupakan warna pilihan Hani untuk majlis perkahwinannya .
 - iii. Ibu pejabat syarikat tersebut terletak di Labuan, Sabah. [6 markah]
- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.
 - i. Kebanyakkan pengguna memilih untuk berbelanja di pusat membeli belah berbanding di kedai runcit.
 - ii. Puan Halimah dan Encik Halim cadangan untuk menyambut ulangtahun perkahwinan mereka di Hotel Kasturi pada hari Ahad nanti.
 - iii. Di mana harus saya mengantungkan gambar pemandangan ini. Aqil bertanya kepada Irfan. [6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh meyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Bendera-bendera yang berwarna-warni itu bertebaran di sepanjang jalan.
- ii. Masalah yang institusi pengajian tinggi hadapi adalah kekurangan pendapat yang cerdas.
- iii. Beliau sering diajak untuk membentangkan kertas kerja di dalam beberapa seminar. [6 markah]

(e) Nyatakan maksud peribahasa di bawah ini.

- i. Di mana ada kemahuan di situ ada jalan
- ii. Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
- iii. Bermandi peluh [6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel-novel yang anda pelajari.

- (i) *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (ii) *Papa...(akhirnya kau tewas jua!)* karya Deana Yusof
- (iii) *Renyah* karya Gunawan Mohamad
- (iv) *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah
- (v) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain
- (vi) *Kabus di Perbukitan* karya Muhamad Kholid Hamzah
- (vii) *Kembara Amira* karya Amer Hamzah L. Kadir
- (viii) *Sutera Dalam Lukisan* karya Abd. Talib Hassan

(a) Watak utama banyak memaparkan nilai-nilai murni yang boleh dijadikan teladan oleh pembaca. Berdasarkan novel yang telah anda kaji, huraikan dua nilai murni yang terdapat pada watak utama.

[7 markah]

(b) Huraikan dua persoalan yang dikemukakan oleh pengarang dalam novel yang anda kaji.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT